

PM diberi taklimat hasil bincang isu bahasa Inggeris

5 AUG 2002

Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini diberi taklimat mengenai hasil perbincangan parti komponen Barisan Nasional (BN) mengenai isu penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik.

Sumber-sumber berkata, taklimat itu diberikan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kepada Perdana Menteri sebelum mesyuarat Kabinet di Putrajaya pagi ini.

Bagaimanapun difahamkan, Perdana Menteri tidak menyentuh isu itu ketika mesyuarat Kabinet. Malah Dr Mahathir juga dikatakan tidak menemui semua 13 pemimpin BN untuk membincang lanjut isu itu seperti dilaporkan kebanyakan media tempatan hari ini.

Menurut sumber itu lagi, Dr Mahathir hanya akan menemui pemimpin 13 parti komponen pada

suatu tarikh yang belum ditetapkan khusus bagi membincangkan isu kontroversi itu.

Selepas mesyuarat Kabinet hari ini, Dr Mahathir turut bersama menteri pada jamuan tengah hari dan kemudian Perdana Menteri mempengerusikan mesyuarat pra Belanjawan selama lebih dua jam.

Mesyuarat tertutup pemimpin BN semalam yang dipengerusikan oleh Abdullah dikatakan mencapai kata sepakat supaya Sains dan Matematik hanya diajar dalam bahasa Inggeris di peringkat sekolah menengah, tanpa membabitkan sekolah rendah seperti dicadangkan.

Timbalan Perdana Menteri yang ditemui pemberita selepas menutup Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (Mubarak) di Melaka semalam, bagaimanapun enggan memberitahu keputusan mesyuarat itu.

“Tidak wajar saya umumkan semua ini sebelum saya jumpa Perdana

Menteri. Saya telah mendengar pandangan mereka. Apa yang mereka putuskan akan saya sampaikan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad,” katanya.

Pertemuan itu diadakan bagi mendapatkan pandangan semua parti komponen BN mengenai isu penggunaan bahasa Inggeris dalam dua subjek berkenaan.

Beberapa pemimpin parti komponen yang dihubungi hari ini enggan mengulas isu itu setelah ingatan dikeluarkan oleh Abdullah semalam bahawa pemimpin BN harus mengelak membuat sebarang kenyataan bercanggah berhubung isu penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik.

Dr Mahathir sebelum ini berkata Kabinet akan mengkaji cadangan balas beberapa pihak termasuk parti yang mewakili masyarakat Cina dalam RN berhubung isu berkenaan.